

SUSULAN BH BONGKAR KELANTAN LUBUK PIL KUDA

Kemewahan goda remaja terjebak dadah

➔ Bekalan pil kuda mudah diperolehi, pengedar kecil-kecilan mampu raih hingga RM5,000 sebulan

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin
mohd.zulkifli@bh.com.my

► Kota Bharu

Masa depan saya sudah musnah sama sekali. Saya langsung tidak memikirkan akibat menjadi pengedar pil kuda, sebaliknya hanya mahu merasai kemewahan seperti rakan lain yang turut melakukan aktiviti sama," kata remaja 15 tahun yang kini menghitung hari dijatuhkan hukuman selepas ditangkap polis.

Dolah (bukan nama sebenar) mengaku walaupun mendapat pendapatan lumayan hasil menjual pil kuda, hidupnya sentiasa ketakutan dan tidak tenteram.

Kebimbangannya menjadi kenyataan apabila hanya empat bulan menjadi pengedar pil kuda, dia ditahan polis pada 12 Jun lalu bersama 50 biji pil kuda yang disorok dalam kotak rokok di sebuah restoran di Kampung Kedai Buloh di sini.

Kena buang sekolah

Dolah yang dibuang sekolah kerana masalah disiplin dan bekerja sebagai tukang rumah sebelum ini, sudah dihadapkan ke mahkamah kerana kesalahan memiliki dadah mengikut Seksyen 39A (1) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Nasibnya akan ditentukan pada 15 September ini selepas dia mengaku bersalah terhadap kesalahan itu.

"Meskipun ketika itu seronok



Seorang pengedar pil kuda yang ditahan polis ditemuramah wartawan BH di Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Bharu.

memperoleh pendapatan sehingga RM5,000 sebulan hasil menjual 50 biji pil kuda sehari, namun perbuatan itu hanya sia-sia kerana masa depan saya sudah musnah... saya kesal," katanya mengaku terabit dalam kegiatan itu selepas melihat kemewahan rakannya yang melakukan aktiviti sama.

Anak bongsu daripada 10 beradik yang sudah ketiadaan ibunya sejak lima tahun lalu, mendakwa dia hanya mengedar pil kuda di sekitar kampungnya, namun tidak pernah mencuba dadah itu.

Mudah raih untung

"Saya mula membeli pil kuda dengan bermodalkan RM150 hasil daripada upah kerja tukang rumah. Kali pertama saya beli 20 biji pil kuda daripada seorang tauke da-

dah yang diperkenalkan oleh kawan.

"Saya beli pil kuda ini dengan harga RM6.50 sebiji dan menjualnya dengan harga RM10. Selepas melihat keuntungannya, saya mula beli 50 biji pil kuda dengan harga RM325," katanya kepada BH.

Dolah mendakwa, pasaran pil kuda cukup besar dan mudah dijual berbanding melakukan kerja lain.

"Saya hanya menunggu di tepi jalan, dan pelanggan yang saya sudah kenal akan datang terus menghulurkan tangan untuk tukar pil kuda kepada wang," katanya.

Bagi pembeli baharu yang tidak dikenali, Dolah lebih berhati-hati kerana bimbang diperangkap polis.